

**Berlapang dada demi kepentingan ummah, Negara
Utusan Online
21 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 20 Mei - Muzakarah antara Pas dan UMNO perlu disegerakan demi kepentingan bangsa, agama dan negara walaupun syarat yang ditetapkan Pas mungkin sukar diterima.

Bekas Timbalan Presiden Pas, Nasharudin Mat Isa berkata, sebagai dua buah parti Melayu Islam terbesar di negara ini, cadangan yang sudah lama tertangguh itu harus dipercepatkan dengan mengenyahkan kepentingan parti.

"Mungkin syarat yang ditetapkan Pas itu payah untuk diterima UMNO tapi saya harap kepimpinan kedua-dua parti dapat berlapang dada memikirkan sesuatu demi kepentingan ummah dan negara dalam semua aspek.

"Saya juga yakin jika kepimpinan Pas dan UMNO dapat duduk semeja, mungkin banyak benda dapat dihuraikan," katanya kepada pemberita pada majlis perkahwinan anak perempuannya di Bandar Bukit Mahkota, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menetapkan beberapa syarat kepada UMNO sebelum muzakarah dapat diadakan.

Majlis perkahwinan Nusaibah dengan pasangannya Mohd. Nazri Husain itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr. Hasan Ali dan Speaker Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Nasharudin berkata, kenyataan Nik Abdul Aziz yang menyifatkan sekarang adalah waktu paling sesuai untuk menjayakan muzakarah antara parti itu dengan UMNO diharap dapat mempercepatkan prosesnya.

"Saya harap kenyataan Mursyidul Am Pas itu dapat membuka ruang untuk membolehkan muzakarah itu mengambil tempat," katanya.

Mengenai kehadiran pendokong golongan lesbian, biseksual, gay dan transgender (LBGT), Irshad Manji yang akan mempromosikan bukunya *Liberty and Love* di negara ini, Nasharudin memuji langkah kerajaan yang tidak membenarkan sebarang program oleh penulis berkenaan.

"Rakyat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan semua pihak harus menolak apa sahaja program atau individu yang membawa pemikiran sedemikian kerana ia akan memberi kesan negatif kepada masyarakat.

"Jangan diberi langsung ruang kepada kemungkaran ini untuk bertapak di negara kita," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0521&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm

